



## Farm Fresh, UPM perkukuh kerjasama industri tenusu

Oleh [Hazwan Faisal Mohamad](mailto:hazwanfaisal@mediaprima.com.my) - Mac 20, 2023 @ 2:19pm  
[hazwanfaisal@mediaprima.com.my](mailto:hazwanfaisal@mediaprima.com.my)



Mohamed Khaled (kanan) ICOE Ladang Tenusu UPM dan Farm Fresh dengan disaksikan oleh (dari kiri) Pengerusi Farm Fresh, Tan Sri Datuk Seri Megat Najmuddin; Pengerusi UPM, Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo; dan Azmi - NSTP/Amirudin Sahib

SERDANG: Farm Fresh Bhd (FFB) melabur RM25 juta sejak 2017 menerusi projek membangunkan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE) Ladang Tenusu dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengembangkan industri tenusu tempatan, sekali gus membangunkan Pusat Pelancongan Agro untuk menggalakkan generasi muda meminati bidang pertanian.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan FFB, Azmi Zainal berkata, projek dengan UPM berjalan selama enam tahun dan pihaknya kini menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bagi membangunkan Pusat Edutourism dalam usaha meningkatkan minat mahasiswa menceburi industri tenusu.

Katanya, kerjasama pemain industri dalam kampus membolehkan pelajar mengikuti latihan industri dan menimba pengalaman di FFB serta mempersiapkan diri untuk bersaing dalam dunia pekerjaan.

"Kerjasama projek FFB dengan UPM sudah berjalan selama enam tahun dan pertukaran dokumen ini masuk perjanjian kedua (lima tahun) dan sentiasa ada proses penambahan di ICOE Tenusu UPM-Farm Fresh.

"Dengan perbelanjaan besar yang mana kami sudah melabur RM25 juta setakat ini dan walaupun ini ladang terkecil Farm Fresh, namun ia menjadi ladang terbesar di Selangor dengan 500 ekor lembu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media di majlis menandatangani MoA bersama UPM bagi membangunkan Pusat Edutourism di sini, hari ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin hadir menyaksikan pertukaran dokumen.

Mengulas lanjut, Azmi berkata, pihaknya juga dari masa ke masa menambah input baru di ICOE Tenusu UPM-Farm Fresh dan dijadikan pusat pembelajaran.

"Ini membolehkan mereka yang datang ke sini bukan sahaja boleh melihat proses tenusu tetapi juga pelbagai aktiviti lain seperti ladang sayur, dusun, perikanan, ikan hiasan dan kambing.

"Jadi, ia adalah secara menyeluruh dan kerjasama dengan UPM bukan hanya dalam bidang ternakan tetapi juga bidang pemasaran, perniagaan, pelancongan dan sains makanan," katanya.

Azmi berkata, setakat ini seramai 58 pelajar UPM sudah diserap bekerja dengan syarikat itu membabitkan pelbagai bidang dan melalui MoA terbabit, FFB menjangkakan lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan selain membantu pelajar belajar sambil bekerja dengan bayaran RM10 sejam.

Sementara itu, Canselor UPM, Datuk Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman berkata, perjanjian itu meliputi bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, aktiviti keusahawanan pelajar serta latihan kemahiran berkaitan untuk kakitangan UPM.

"Inisiatif ini juga secara tidak langsung mendukung Matlamat ke-3 Pelan Strategik UPM 2021-2025 iaitu Melestarikan Ekosistem Jaringan Industri dan Masyarakat," katanya.